

**PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:**

Berjaga-jagalah!
Berdirlilah
dengan teguh
dalam iman!
(1 Korintus 16: 13)

Dalam menghadapi kesukaran dan kesusahan, kita bangkit mengatasinya melalui iman yang mendalam kepada Allah. Kita membuat keputusan yang sukar dalam hidup kita berdasarkan iman Kristiani kita, nilai iman kita. Selalunya, kita secara jujur tidak tahu ke mana ia akan membawa kita, tetapi harapan kita adalah kepada Tuhan. Paulus mahu kita yakin kepada Allah. Bacaan kedua mengingatkan kita tentang pahlawan iman: Abraham, Sara, Ishak, Yakub, Esau, Yusuf dan Musa. Mereka membenarkan Tuhan memimpin mereka, dan dengan iman mereka diberi ganjaran, walaupun tidak semuanya diterima sewaktu hayat mereka, tetapi dalam masa Allah.

Berkali-kali Yesus memberitahu kita untuk tidak takut dan mengetahui bahawa Bapa kita berkenan memberikan kita kerajaan surga. Dia memberitahu kita untuk mengumpulkan harta rohani yang tidak boleh dicuri atau dimusnahkan. Hari ini, Dia juga memberi kita dua perumpamaan. Dalam perumpamaan pertama, Dia mahu kita berjaga-jaga supaya apabila Dia datang semula, kita tidak akan mendapati diri kita ditinggalkan. Mesej dalam perumpamaan-Nya yang kedua juga adalah berjaga-jaga. Kali ini Dia bercakap kepada pengurus komuniti kita dan Gereja. **Berjaga-jaga bermakna hidup dengan cara yang konsisten dan taat kepada ajaran Kristus.**

Bagaimakah keadaan kita apabila Kristus datang kembali? Adakah kita bersedia untuk memberi pertanggungjawaban kepada-Nya tentang cara kita menjalani kehidupan kita? Atau mungkin kita telah menjadi mabuk dalam kebendaan dan kuasa sehingga kita gagal melihat Dia di antara kita?

Yesus mahu kita berada di surga bersama-Nya. Oleh itu, kita harus berhemah, berhati-hati dalam berdoa dan melayani kepada orang lain. Dengan cara ini, kita akan bersedia untuk menyambut Dia pada Kedatangan-Nya yang Kedua.

Marilah kita renungkan perkara ini: bagaimana saya mengenali Tuhan apabila Dia datang kembali, bagaimana saya boleh memperoleh harta rohani dan adakah saya berada di landasan yang betul untuk menuntut tempat saya di perjamuan-Nya? ☺

**AYAT SUCI
MINGGU INI**

Kebijaksanaan 18: 6-9;
Mazmur 32: 1, 12,
18-20, 22;
Ibrani 11: 1-2, 8-19
(or 1-2, 8-12);
Lukas 12: 32-48
(or 35-40).

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-19

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

FOKUS BULANAN:
PESTA PERAWAN MARIA DIANGKAT KE SYURGA (15 OGOS)

Berjaga-jaga DALAM DOA

Kita tergerak oleh iman umat Allah pada malam Paskah sebelum mereka keluar dari Mesir. Dalam bacaan pertama, kita diberitahu bahawa mereka berpegang teguh pada janji Allah kepada mereka dan tidak lama kemudian diberi ganjaran dengan keselamatan mereka dan kejatuhan musuh-musuh mereka.

